



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA  
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri  
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya

Tel : 8888 1480  
8888 3381  
Faks : 8888 4479

Rujukan kami : KPKK(R)600-2 (13)

Tarikh : 21 April 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan  
Semua Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Menteri dan Timbalan Menteri

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PERINGATAN KEPENTINGAN MENJAGA KERAHSIAAN MAKLUMAT  
KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berkaitan perkara di atas.

2. Sejak kebelakangan ini, beberapa insiden melibatkan maklumat dan dokumen terperingkat Kerajaan telah didedahkan dan tular di media sosial khususnya melalui aplikasi *whatsapp*. Isu berhubung kepentingan menjaga kerahsiaan maklumat Kerajaan dari ancaman kebocoran ini dipandang serius dan telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

3. Adalah diingat sekali lagi bahawa maklumat dan dokumen terperingkat Kerajaan hendaklah diberi perlindungan secara menyeluruh. Ketua Jabatan bertanggungjawab sepenuhnya **memastikan maklumat dan dokumen terperingkat Kerajaan** di Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing diurus dan dikendalikan **mengikut peraturan yang ditetapkan** dalam Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) dan garis panduan Keselamatan Perlindungan yang sedang berkuat kuasa serta menepati kehendak Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]. Ketua Jabatan juga bertanggungjawab untuk **mengambil tindakan tegas** terhadap mana-mana pegawai awam yang terlibat membocorkan maklumat dan rahsia rasmi Kerajaan melalui peruntukan undang-undang sedia ada.

4. Sehubungan dengan itu, sekiranya berlaku sebarang insiden kebocoran maklumat Kerajaan, Ketua Jabatan dikehendaki untuk mengemukakan laporan awal insiden tersebut kepada :-

Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO)  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras -1, 1 & 2, Setia Perdana 7  
Kompleks Setia Perdana  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 PUTRAJAYA  
Tel: 03-8872 6038/ 6039 | Faks: 03-8888 3258  
E-mel: [kictrr@cgso.gov.my](mailto:kictrr@cgso.gov.my)

5. Perhatian dan tindakan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dalam usaha memelihara kerahsiaan maklumat Kerajaan yang merupakan tanggungjawab kita bersama.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI)**

s.k.:

1. **YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
2. **YBhg. Dato' Mohd Sallehuddin bin Hassan**  
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM
3. **YBhg. Datuk Dr. Marzuki bin Mohamad**  
Ketua Setiausaha Sulit kepada YAB Perdana Menteri